

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 18 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 40)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI**
[CHERAS]
TARIKH : **18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- a. berapa banyak EV yang dijangkakan akan berada di atas jalan raya oleh Kementerian menjelang 2030 dan apakah bentuk peruntukan khusus untuk pembangunan infrastruktur pengecas EV atau Operator Pusat Mengecaj dalam Belanjawan semasa; dan
- b. strategi jangka panjang Kementerian untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik dan pembinaan infrastruktur mengecaj.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 2030, Kerajaan menyasarkan untuk mencapai 20% daripada jumlah jualan tahunan kenderaan penumpang dan perdagangan baharu adalah terdiri daripada kenderaan jenis berkuasa elektrik (xEV) merangkumi *Hybrid, Plug-In Hybrid, Battery Electric Vehicle (BEV)* dan *Fuel Cell Electric Vehicle (FCEV)*. Sehingga 30 September 2024, kadar jumlah jualan tahunan yang dicapai ialah 5.11% atau 33,319 unit, manakala bagi keseluruhan tahun 2023, kadarnya ialah 4.12% atau 35,723 unit. Jika dilihat tren pencapaian pada 2023 dan 2024, Kerajaan menjangkakan jumlah terkumpul xEV yang berada di atas jalan raya akan mencecah sekurang-kurangnya 400,000 unit kenderaan penumpang dan perdagangan dalam tahun 2030.

2. Sungguhpun di bawah Belanjawan 2025 tiada cadangan dari segi peruntukan khusus untuk pembangunan infrastruktur pengecas EV atau CPO disediakan, tetapi terdapat insentif yang diberi semasa Belanjawan terdahulu yang masih dilaksanakan bagi membantu pembangunan infrastruktur pengecas EV. Di antaranya ialah program *Green Investment Tax Allowance (GITA)* di mana *Charging Point Operator (CPO)* yang memenuhi kriteria galakan cukai boleh mendapat pengecualian cukai dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% bagi tempoh lima tahun dan elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Di samping itu, insentif dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan juga sedang ditawarkan kepada syarikat-syarikat pengeluar EV *Charging Equipment* iaitu dalam bentuk pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2032.

3. Bagi menggalakkan penggunaan EV dan pembinaan infrastruktur pengecasan EV di negara ini, antara langkah-langkah berkaitan cukai yang telah diambil ialah:

NO SOALAN : 11

- a. Pengecualian sepenuhnya duti import dan eksais untuk EV jenis CBU import sehingga 31 Disember 2025 serta pengecualian sepenuhnya duti import, eksais dan cukai jualan untuk EV yang dikeluarkan dalam negara sehingga 31 Disember 2027;
 - b. Pengecualian sepenuhnya cukai jalan bagi kenderaan jenis BEV dari 2022 sehingga 2025; dan
 - c. Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV termasuk di rumah untuk tahun taksiran sehingga 2027.
4. Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:
- d. Pembangunan EV bawah RM100,000 oleh PERODUA menjelang tahun 2025;
 - e. Pembangunan infrastruktur pengecasan EV secara menyeluruh di Malaysia dengan sasaran sebanyak 10,000 petak pengecas EV (Electric Vehicle Charging Bay – EVCB) menjelang tahun 2025;
 - f. Pelanjutan sehingga tahun 2025 bagi Skim Galakkan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas) yang menawarkan rebat sebanyak RM2,400 bagi tujuan pembelian atau langganan motosikal elektrik kepada rakyat Malaysia bertujuan bagi menggalakkan rakyat untuk beralih kepada kenderaan berasaskan elektrik;
 - g. Pembangunan pusat ujian NxGV (*EV Interoperability Center*) dan pusat uji bateri boleh cas semula (*National Rechargeable Battery Testing Center – NRBTC*) untuk memudahkan ujian tempatan dan pembangunan EV yang dapat menurunkan

harga pengujian sejurus menurunkan harga kenderaan EV dan menarik minat pembeli EV;

- h. Menjalankan penyelarasan dengan semua pihak berkepentingan dalam menambahbaik prosedur semasa bagi kelulusan pemasangan EVCB bagi mempercepatkan pemprosesan kelulusan pemasangan serta mengurangkan kos pembinaan EVCB;
- i. Penyelarasan bersama oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan PLANMalaysia dalam menerbitkan satu Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) untuk menyeragamkan dan memudahcara proses antara semua agensi dan jabatan pengawalseliaan, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang terlibat dalam pembangunan EVCB; dan
- j. Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, rangkaian *hypermarket*, Persatuan Pengurusan Kompleks Membeli Belah serta Persatuan Hotel dan Persatuan Pemilik Hotel Malaysia bagi menggalakkan premis-premis berkaitan disokong oleh perkhidmatan pengecas awam EV untuk keperluan para pelanggan.

5. Mengenai strategi jangka panjang, Kementerian ingin memastikan industri EV ini dapat berkembang dengan lebih baik dan turut didorong dan disokong oleh industri tempatan baik di dalam aktiviti pengeluaran EV, mahupun oleh industri-industri lain yang menyokong industri ini. Strategi ini adalah penting bagi memastikan industri automotif tempatan bersedia dan terus relevan untuk bersaing bukan sahaja dalam pasaran tempatan tetapi juga di peringkat global, mengambil kira perkembangan global teknologi automotif terkini kenderaan yang lebih cenderung kepada penggunaan tenaga yang lebih efisien, rendah karbon, dan bercirikan kepintaran.

6. Dalam menyokong pembangunan EVCB, syarikat Gentari dan TNB juga telah memberi komitmen pelaburan dan telah membelanjakan kira-kira RM76 juta sehingga Jun 2024. Melalui penglibatan kedua-dua syarikat ini dengan suntikan dana yang besar, lebih banyak EVCB dapat dibina di seluruh Malaysia, yang turut disokong oleh CPO-CPO lain yang turut menyediakan perkhidmatan pengecas EV kepada awam. Perkembangan yang positif ini telah membantu meningkatkan keyakinan peminat EV untuk membeli dan menggunakan kenderaan jenis ini. Pada masa ini, terdapat lebih kurang 30 syarikat CPO sedang beroperasi di dalam pasaran tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan undang-undang yang diambil kepada peniaga-peniaga bukan Islam yang telah mengambil kesempatan dengan menggunakan nama, cop dan logo yang lazimnya digunakan oleh orang Islam seperti masjid, berkat dan sebagainya yang mana ianya boleh menyebabkan kekeliruan kepada umat Islam berkenaan status halal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa mengambil tindakan tegas kepada mana-mana peniaga yang menggunakan perbahasaannya halal untuk memperdayakan pengguna sama ada premis yang dimiliki oleh peniaga Muslim dan bukan Muslim.

Bagi premis yang dimiliki oleh peniaga bukan Muslim, penggunaan lambang seperti masjid, Kaabah, bulan sabit, bintang, simbol atau tulisan yang boleh dikaitkan dengan Islam, termasuk perbuatan menggantung ayat suci Al-Quran sekiranya digunakan bagi tujuan memperdaya atau mengelirukan pengguna Islam merupakan satu kesalahan yang di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 yang mana jika disabitkan kesalahan, peniaga tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.

Peniaga juga disyaratkan untuk mendapatkan pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebelum dibenarkan menggunakan perbahasaannya yang menunjukkan bahawa barangan tersebut adalah halal sebagaimana diperuntukkan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Mana-mana orang yang disabitkan kesalahan di bawah Perintah ini boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bentuk kerjasama serantau yang dijalinkan oleh Malaysia untuk menangani konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Apakah inisiatif yang diambil untuk meningkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran dan pihak antarabangsa dalam menyelesaikan isu ini secara damai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sri Aman** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025. Ini akan membuka satu lagi lembaran yang penting untuk negara kita. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju ASEAN bagi mengharungi cabaran-cabaran semasa dan di masa hadapan.

3. Kepengerusian pada tahun 2025 adalah signifikan buat Malaysia kerana ia menandakan sedekad penubuhan rasmi Komuniti ASEAN yang dilancarkan di Kuala Lumpur pada tahun 2015. Hasil daripada penubuhan Komuniti tersebut, ASEAN telah terus mengukuhkan peranannya sebagai wadah utama bagi Negara-negara Anggota dan Rakan-rakan Luarnya untuk berdialog dan bekerjasama bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau.

4. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

5. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC), pada 4 November 2002.

6. Melalui DOC, negara-negara ASEAN dan China melaksanakan aktiviti-aktiviti kerjasama bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan, atau dengan izin, *confidence-building*, serta menangani sebarang perbezaan secara aman. DOC turut menyatakan persetujuan Negara-negara Anggota ASEAN dan China untuk berusaha ke arah matlamat memperakui sebuah Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC), yang bertujuan mengukuhkan lagi keamanan dan kestabilan serantau.

7. Buat masa ini, Negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan COC. COC dilihat sebagai satu mekanisme tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Kod ini dirunding tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing. Rundingan COC tersebut sedang dilaksanakan menerusi platform, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC).

8. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dimuktamadkan merupakan satu dokumen yang substantif dan efektif tanpa sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

9. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-China bagi tempoh tiga (3) tahun dari Ogos 2024 hingga Julai 2027, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT
[JERAI]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah pengawalan ajaran sesat dan nyatakan jumlah terbaru ajaran sesat yang muncul di negara ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan menyedari bahawa ajaran sesat atau isu-isu ancaman akidah masih lagi wujud sekalipun telah difatwakan dan dikenakan tindakan. Pada masa ini, kumpulan dan individu yang membawa fahaman menyeleweng ini banyak bergerak melalui media sosial/dalam talian. Bagi melaksanakan pendekatan yang lebih tersusun untuk membendung penularan ajaran sesat ini, JAKIM telah memperkasakan penyelarasan tindakan melalui jawatankuasa dengan Jabatan Agama Islam Negeri dan juga agensi berkaitan di peringkat Persekutuan antaranya Jawatankuasa Pemandu Ajaran Sesat (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS) dan Panel Pakar Akidah (PPA). Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwul Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 5 Mei 1996 telah memutuskan pandangan hukum supaya umat Islam di negara ini berpegang kepada manhaj Ahli Sunnah Wal-Jamaah sama ada dari segi akidah, syariah mahupun akhlak.
2. Selain itu, dalam rangka untuk menangani serta membendung penularan ajaran sesat dan menyeleweng, JAKIM telah mengambil beberapa langkah dan pendekatan bagi mengekang ajaran seperti berikut:
 - i. Memperkukuh kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) melalui jaringan dan kolaborasi dalam aspek penyelidikan, siasatan serta pengesanan terhadap ajaran dan doktrin yang meragukan atau disyaki menyeleweng.

NO SOALAN : 14

- ii. Mendapatkan pandangan daripada Panel Pakar Akidah (PPA) yang terdiri daripada tenaga-tenaga pakar dalam bidang akidah dan aliran pemikiran dalam memberi nasihat terhadap isu-isu akidah umat Islam di Malaysia.
- iii. Melaksanakan kajian komprehensif sebelum sesuatu ajaran atau doktrin itu diberi pandangan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).
- iv. Mengesyorkan kepada Jabatan Mufti Negeri-Negeri agar mengeluarkan fatwa mengenai ajaran terbabit mengikut peruntukan dan bidang kuasa masing-masing berpandukan kepada pandangan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI.
- v. Mengaktifkan platform perbincangan melalui Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS) dan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (MKJ) bagi mengemaskini maklumat dan pelan tindakan.
- vi. Bekerjasama dengan rakan strategik yang terdiri dari agensi penguatkuasaan di peringkat negeri dan persekutuan seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan lain-lain.
- vii. Mengadakan pertemuan dan sesi dialog secara tertutup bersama kumpulan atau individu yang terlibat dengan ajaran yang meragukan.
- viii. Memberi kaunseling dan khidmat nasihat agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu meluruskan kembali pegangan akidah serta mengembalikan semula kehidupan mereka dalam masyarakat.

NO SOALAN : 14

- ix. Menjalankan aktiviti serta program yang bersesuaian melalui pendekatan dakwah bil hal atau pendekatan dakwah bil lisan bagi menyebarkan serta memantapkan kefahaman Islam yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - x. Menggiatkan usaha dan memanfaatkan platform media baharu/dalam talian dengan menganjurkan sesi-sesi diskusi ilmiah, penjelasan dan perkongsian ilmu untuk memaham serta menyedarkan masyarakat akan kewujudan aliran-aliran pemikiran dan ajaran serta doktrin yang menyeleweng tersebut.
3. Jumlah terbaru ajaran sesat yang kini dalam pemantauan secara khusus JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam di Negeri-Negeri dan Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 20 ajaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi memulihara populasi harimau untuk generasi akan datang. Tambahan pula, isu kematian harimau akibat roadkill yang menyebabkan populasi harimau terjejas serta pengecilan habitat, pemburuan haram dan sebagainya turut memburukkan lagi keadaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia telah menggerakkan usaha untuk mengukuhkan pemuliharaan spesies hidupan liar termasuk Harimau Malaya melalui langkah-langkah berikut:

- (i) melaksanakan 9 tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya dalam tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 hingga 2030 selaras dengan persetujuan Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021;
- (ii) mengukuhkan kerangka perundangan melalui pindaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] bagi meningkatkan kadar hukuman dan penalti yang melibatkan jenayah pemburuan dan penyeludupan haram hidupan liar; dan
- (iii) mengukuhkan penguatkuasaan melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri, agensi-agensi penguatkuasaan negeri dan badan bukan kerajaan melalui Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*).

2. Kerajaan Persekutuan melalui NRES juga telah menyediakan insentif *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) kepada kerajaan negeri bagi meningkatkan keluasan dan pengurusan kawasan perlindungan (*protected areas*) termasuk habitat Harimau Malaya. Dari tahun 2019 hingga 2024, sebanyak RM550 juta peruntukan EFT telah disediakan dan pada tahun 2024 sahaja sebanyak RM200 juta kepada kerajaan negeri.

3. Dalam aspek penguatkuasaan, Jabatan PERHILITAN telah mengukuhkan platform kerjasama penguatkuasaan dan perkongsian

NO SOALAN : 15

maklumat dengan PDRM dan INTERPOL serta agensi-agensi berkaitan bagi membanteras penyeludupan hidupan liar melalui usaha-usaha berikut:

- (i) melaksanakan penyiasatan melalui Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*];
- (ii) memperkasakan *Wildlife Crime Unit* (WCU) yang bertindak sebagai flying squad dalam mengambil tindakan penguatkuasaan berkaitan jenayah hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- (iii) mewujudkan Unit Perisikan Jenayah Hidupan Liar yang bertanggungjawab mengumpul maklumat penjenayah hidupan liar.

4. Dalam aspek konservasi ex-situ, Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan (MFHLK) Jabatan PERHILITAN memainkan peranan penting bagi mengukuhkan penyediaan bukti forensik untuk membantu kes pendakwaan. Selain itu, Makmal ini juga menerajui program bagi meningkatkan bilangan Harimau Malaya di dalam kurungan melalui pembiakan semula jadi dan penggunaan teknologi pembiakan berbantu (*Assisted Reproductive Technology* - ART).

5. Jabatan PERHILITAN juga sentiasa mempergiatkan aktiviti komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memulihara Harimau Malaya. Dalam hubungan ini, Jabatan PERHILITAN telah melancarkan Kempen Selamatkan Harimau Malaya (SHM) merangkumi program konservasi dan penguatkuasaan; kesedaran awam; publisiti dan promosi; program penajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini rundingan dan tuntutan penurunan kuasa bagi memberi autonomi dalam pentadbiran bagi sektor pendidikan dan kesihatan kepada Kerajaan Sarawak.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI
YUSOFTIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tuntutan berhubung isu pendidikan dan kesihatan di negeri Sabah dan negeri Sarawak merupakan antara agenda yang dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 yang dipengerusikan oleh saya.
2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 Bilangan 1 Tahun 2023 pada 18 Julai 2023, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja di peringkat Kementerian masing-masing bagi membincangkan isu mengenai pendidikan dan kesihatan bersama Kerajaan Negeri Sarawak. Jawatankuasa Kerja bagi KPM adalah seperti yang berikut:

KPM

- i. Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Pendidikan dan YB Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak; dan
- ii. Jawatankuasa Kerja Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha, KPM dan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Inovasi dan PembangunanBakat Sarawak).

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sarawak telah diadakan pada 5 Februari 2024, manakala Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sarawak telah diadakan pada 22 Februari 2024 bagi membincangkan tuntutan oleh Kerajaan Negeri Sarawak berhubung isu pendidikan.
4. Sebahagian besar tuntutan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak berhubung isu pendidikan telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Bagi beberapa perkara lain yang masih memerlukan perbincangan lanjut, ia akan terus dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja di peringkat KPM.
5. Berhubung isu kesihatan di negeri Sarawak, Jawatankuasa Kerja yang telah ditubuhkan oleh KKM ialah seperti yang berikut:

KKM

- i. Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Timbalan Premier Sarawak; dan
 - ii. Jawatankuasa Kerja Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha, KKM dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak.
6. KKM telah meneliti dan membincangkan perkara-perkara yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam dokumen yang bertajuk "*MA63 Implementation: Decentralisation Towards A Better*

Healthcare Service Delivery System For Sarawak". Sebanyak 14 *way forward* telah digariskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam dokumen tersebut.

7. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Negeri Sarawak telah diadakan pada 5 Januari 2024, manakala Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Negeri Sarawak telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 12 Januari 2024 dan 9 September 2024 bagi membincangkan tuntutan oleh Kerajaan Negeri Sarawak behubung isu kesihatan.

8. Dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, beberapa perkara yang yang di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa KKM telah dibincangkan. Perkara-perkara terbabit adalah merangkumi pembangunan fasiliti, perjawatan, perwakilan kuasa daripada Ketua Pengarah Kesihatan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan lantikan Juruaudit bagi audit pembaharuan Pensijilan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan Good Manufacturing Practices (GMP) di peringkat Sarawak.

9. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri selaku Sekretariat kepada MTPMA63 dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 akan terus memantau isu pendidikan dan kesihatan dengan semua pemegang taruh (stakeholders) yang terlibat di peringkat Persekutuan dan peringkat Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan selepas Kementerian Luar Negeri China menghantar surat bantahan bertarikh 18 Februari 2024 mengenai penerokaan minyak oleh Malaysia di Laut China Selatan, bagaimana Wisma Putra menjawab bantahan itu dan siapakah yang mendedahkan surat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sibū** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berkenaan isu Laut China Selatan, Malaysia dan China telah menzahirkan iltizam dan komitmen bagi menyelesaikan sebarang isu secara aman menerusi perbincangan dan dialog dengan menggunakan platform sedia ada dan juga melalui saluran diplomatik, tanpa pertelingkahan atau kekerasan.

3. Berhubung eksplorasi minyak dan gas di Laut China Selatan, Malaysia akan meneruskan eksplorasi di dalam perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Ini kerana operasi tersebut dilakukan dalam perairan negara selaras dengan hak kedaulatan negara berdasarkan undang-undang antarabangsa.

4. Dalam hal ini, penerokaan tersebut penting untuk kelangsungan ekonomi negara. Malaysia akan terus mempertahankan kedaulatan, hak-hak kedaulatan serta kepentingannya di kawasan maritim negara berdasarkan kepada Peta Malaysia 1979. Pendekatan Malaysia ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf sejagat termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982.

5. Pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri memandag serius isu kebocoran dokumen tersebut yang merupakan saluran perhubungan rasmi antara dua buah negara kepada pihak umum. Dalam konteks ini, Kementerian Luar Negeri serta Perwakilan Malaysia di Luar Negeri sentiasa mengendalikan dokumen-dokumen terperingkat secara

NO SOALAN : 17

teliti mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Pihak berkuasa Malaysia sedang menjalankan siasatan terperinci dan telus berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan :

- a) berapa luas kawasan hutan diceroboh Kerajaan negeri dan namakan kawasan hutan tersebut; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk penguatkuasaan dan penanaman semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi pertanyaan pertama iaitu mengenai pencerobohan kawasan hutan simpan kekal, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti penerokaan haram dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) merupakan satu kesalahan di bawah peruntukan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 selaras dengan seksyen 32 iaitu pendudukan atau penjalanan aktiviti tanpa kebenaran. Manakala, seksyen 81 pula memperuntukkan perbuatan-perbuatan yang dilarang dalam HSK seperti melepaskan ternakan, membersihkan atau membajak tanah, menangkap ikan dan merosakkan atau menebang mana-mana pokok. Mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan denda sehingga RM100 ribu dan hukuman penjara sehingga hingga 7 tahun atau kedua-duanya.

2. Sehingga 31 Disember 2023, seluas 38,376.78 hektar kawasan HSK yang melibatkan 1,074 lokasi di Semenanjung Malaysia telah diteroka secara haram dengan pelbagai aktiviti seperti pertanian (penanaman pokok kelapa sawit, pisang, getah, durian, dokong, koko, sayur-sayuran dan lain-lain), perlombongan, penempatan, pembinaan bangunan, pembinaan jeti, aktiviti akuakultur, tanah perkuburan, kawasan rekreasi, gerai makan dan bangunan keagamaan.

3. Bagi pertanyaan seterusnya mengenai tindakan penguatkuasaan dan penanaman yang diambil, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri mengambil langkah proaktif dalam membanteras aktiviti penerokaan atau pencerobohan haram dalam kawasan HSK, antaranya:

- i) memperkasa operasi Pusat Pemantauan Sumber Hutan sebagai sebuah hub berpusat (*one stop centre*) di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang bertujuan memantau sumber hutan negara. Pemantauan dilaksanakan melalui sistem *Forest Monitoring using Remote Sensing* (FMRS) bagi mengesan sebarang perubahan litupan kawasan berhutan yang berlaku di dalam HSK;

NO SOALAN : 18

- ii) melaksanakan inisiatif *Continuous Monitoring of Surveillance* (COMOS) yang dibangunkan oleh Jabatan Hutan Sarawak di mana sistem ini berupaya untuk menggabungkan analisis imej satelit setiap minggu, menentusahkan titik kordinat di lapangan menggunakan pesawat *hyperspectral* yang dilengkapi kamera dan seterusnya maklumat disalurkan kepada pasukan di lapangan untuk tindakan penguatkuasaan;
- iii) menggunakan imej satelit sebagai langkah pemantauan jarak jauh (*remote sensing*) melalui sistem aplikasi *iForSabah* yang dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah dan Agensi Angkasa Malaysia untuk mengesan sebarang perubahan yang berlaku dalam kawasan hutan simpan di Sabah; dan
- iv) memperkasa perundangan perhutanan melalui Akta Perhutanan Negara (pindaan) 2022 yang telah diwartakan pada 20 September 2022 bagi memperkukuhkan kuasa pegawai penguatkuasaan dalam membanteras jenayah hutan dan meningkatkan kadar jumlah denda dan hukuman ke atas pesalah.

4. Selain itu, bagi aktiviti penanaman semula, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan Rancangan Malaysia Ke-12 bagi pelaksanaan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemuliharaan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia yang mana melibatkan seluas 1,640 hektar kawasan hutan terosot akibat penerokaan atau bencana alam. Sehingga kini, seluas 1,235 hektar kawasan hutan terosot telah dipulihkan dengan penanaman sebanyak 731,176 pokok hutan pelbagai spesies melibatkan kawasan hutan terosot yang berada di dalam dan luar kawasan HSK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH
[PAYA BESAR]**
TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
menyatakan :

- a. berapa jumlah eksport kereta jenama tempatan dari tahun 2019 hingga 2024; dan
- b. apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pemain industri automotif tempatan bagi meningkatkan eksport kenderaan termasuk alat ganti dan komponen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh syarikat pengeluar kenderaan jenama PROTON dan PERODUA, jumlah keseluruhan kenderaan kedua-dua jenama tempatan yang dieksport bagi tempoh 2019 hingga September 2024 ialah 24,272 unit. Daripada jumlah ini, 17,118 unit adalah bagi model PROTON, manakala baki 7,154 unit adalah bagi model PERODUA.

2. Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif dalam meningkatkan kapasiti industri automotif tempatan bagi meningkatkan eksport kenderaan termasuk alat ganti dan komponen, di antaranya ialah:

- a. Mengekalkan insentif fiskal dan kewangan dari segi pengurangan cukai tidak langsung dan langsung;
- b. Menyediakan skim kemudahan pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan kepada pengeksport di bawah EXIM Bank;
- c. Memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi mendapatkan pengurangan duti import apabila dieksport ke negara yang menjadi rakan dagang FTA. Pengurangan duti import yang diperolehi boleh memberi kelebihan daya saing dari segi kos untuk memberikan peluang pasaran lebih besar kepada syarikat automotif tempatan;
- d. Melaksanakan kerjasama strategik di bawah *ASEAN Mutual Recognition Arrangement* (AMRA) yang telah ditandatangani pada 16 Januari 2021, bagi memberi kemudahan kepada syarikat automotif tempatan yang ingin mengeksport produknya. Dengan adanya AMRA, isu berkaitan halangan teknikal untuk menjalankan perdagangan dan memenuhi perakuan kualiti serta keperluan ujian (testing requirements) dapat diatasi atau dikurangkan;

NO SOALAN : 19

- e. Pembangunan fasiliti pusat pengujian pelepasan asap kenderaan iaitu *National Emission Test Centre* (NETC). Fasiliti ini ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan menguji pelepasan asap kenderaan ke tahap yang selaras dengan kehendak Peraturan Bangsa-bangsa Bersatu (UNR) dan juga peraturan-peraturan antarabangsa yang lain. Sebelum kemudahan ini dapat disediakan, syarikat automotif tempatan terpaksa membuat ujian di luar negara. Kini, syarikat pengeluar tempatan dapat melakukan pengujian di dalam negara bagi mengurangkan kos supaya produk yang dikeluarkan lebih kompetitif termasuk untuk jualan di pasaran antarabangsa;
- f. Penyediaan fasiliti umum oleh Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) bagi memudahkan aktiviti penyelidikan reka bentuk bernilai tinggi serta membangunkan bakat baharu dalam bidang kajian dan penyelidikan. Melalui inisiatif ini, syarikat automotif tempatan dapat meningkatkan kualiti produk kenderaan yang mencapai standard eksport global. Fasiliti umum ini ialah MARii *Simulation & Analysis Center* (MARSAC) dan MARii *Additive Manufacturing Technology Centre* (MAMTEC); dan
- g. Pelaksanaan program-program promosi dan pembangunan eksport yang diselia oleh MATRADE termasuk misi perdagangan, penyertaan dalam pameran antarabangsa, aktiviti *business matching* dan juga perkongsian maklumat kajian pasaran (*Market Alert*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semakan terhadap Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] bagi mencari solusi pembinaan rumah generasi kedua FELDA dan jangkaan tempoh masa isu mendesak ini mampu diselesaikan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

FELDA bersama Bahagian Kawal Selia FELDA (BKSF), JPM telah melaksanakan 4 Sesi Libat Urus (SLU) bersama pemegang taruh melibatkan peneroka, Generasi Baharu dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Sehingga kini, seramai 500 orang peserta telah dilibatkan dalam SLU tersebut bagi mendapatkan pandangan dalam usaha untuk menyemak dan menambah baik akta. Garis masa semakan semula dan pindaan Akta 530 ini dijangka akan mengambil masa 3 hingga 4 tahun berdasarkan penetapan oleh Jawatankuasa Pemandu. Ia dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2027. Dalam masa yang sama, FELDA juga sedang melakukan beberapa tindakan secara pentadbiran bagi tujuan penyeragaman dan penyelesaian isu-isu dalaman. Bagi solusi pembinaan rumah generasi kedua, FELDA dan PBN meneruskan kerjasama dasar melalui pemberian lot generasi secara berterusan untuk memastikan penempatan dibuat secara tersusun dan sistematik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING
[BEAUFORT]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan melalui dasar peluang kedua kepada golongan muda berumur empat puluh tahun ke bawah dan jumlah hutang tidak melebihi RM200,000 yang dilepaskan status muflis, adakah Kerajaan mempunyai inisiatif untuk membantu golongan ini daripada aspek peningkatan ekonomi dan berapa penerima manfaat daripada dasar ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan orang muda daripada aspek peningkatan ekonomi adalah dengan memberikan golongan orang muda yang bankrap peluang kedua untuk keluar dari kebangkrapan. Sebagai sebuah jabatan yang menjalankan fungsinya untuk mentadbir hal ehwal kebangkrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah melaksanakan inisiatif Kerajaan untuk melepaskan bankrap yang layak melalui inisiatif Dasar Peluang Kedua.

2. Di bawah inisiatif ini, secara keseluruhannya sejak Mac 2023 sehingga September 2024, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah berjaya melepaskan sebanyak 170,751 orang bankrap. Jumlah tersebut turut merangkumi golongan orang muda berumur 40 tahun ke bawah dan hutang tidak melebihi RM200,000.00. Golongan orang muda yang telah dilepaskan daripada kebangkrapan berpeluang memulakan kehidupan baharu. Pelepasan daripada kebangkrapan membuka peluang untuk mereka menikmati perluasan peluang kerjaya termasuklah dalam bidang professional dan bidang perniagaan bagi memperkasa ekonomi diri dan keluarga.

3. Selanjutnya, agensi Kerajaan yang lain seperti SME Bank, TEKUN, MARA dan Agro Bank turut berperanan untuk membantu golongan orang muda menceburi bidang keusahawanan. Kerajaan turut memberikan tumpuan khas kepada perkembangan ekonomi gig sebagai dimensi ekonomi baharu yang banyak melibatkan penyertaan golongan muda.

4. Golongan orang muda juga hendaklah mengambil peluang untuk menyertai pelbagai program literasi kewangan yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

(AKPK). Mereka disarankan untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan kewangan yang kukuh yang dapat membantu mereka untuk mengelak berlakunya keterhutangan yang serius.

5. Sebagai contoh, Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan 2024 (National Financial Literacy Symposium, NFLS 2024) dianjurkan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) dengan kerjasama Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM) pada Oktober 2024. Bank Negara, AKPK dan Kementerian Pengajian Tinggi merupakan antara ahli FEN. Program ini menekankan penerapan kesejahteraan kewangan secara inklusif melalui peningkatan keupayaan kewangan, khususnya kepada golongan muda yang berumur 40 tahun ke bawah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi perubahan iklim di Malaysia terutamanya peningkatan suhu dan kekurangan air hujan sehingga 36.3% di sesetengah tempat mengikut laporan Kementerian Tenaga, Sains dan Perubahan Iklim pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan iklim adalah masalah global yang dihadapi oleh semua negara di dunia ini. Semua negara tidak terkecuali daripada kesan perubahan iklim seperti peningkatan suhu, cuaca ekstrem, taufan yang kuat dan peningkatan paras air laut.

2. Kementerian ini juga sedar akan risiko bencana hidro-iklim yang disebabkan oleh impak perubahan iklim seperti risiko peningkatan suhu dan episod pengurangan hujan semasa musim kering yang membawa kepada pelbagai masalah kesihatan, kekurangan sumber air, risiko kebakaran dan jerebu. Oleh itu, Kementerian ini sedang membangunkan Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP). MyNAP akan mengambil kira perancangan dan strategi pelaksanaan adaptasi di bawah PETRA bagi sektor air antara lain seperti berikut:

- a) Pelaksanaan reka bentuk infrastruktur adaptif yang berdaya tahan terhadap kesan bencana hidro-iklim seperti kenaikan paras laut, banjir dan musim kering. Ia termasuklah pembinaan sistem perparitan dan struktur tebatan banjir yang lebih berkesan, pembinaan ban dan struktur perlindungan pantai yang mengambil kira faktor perubahan iklim dan peningkatan aras laut di dalam elemen reka bentuk masing-masing.
- b) Reka bentuk infrastruktur kritikal seperti kemudahan tenaga dan loji rawatan air yang boleh berfungsi dengan berkesan semasa musim kering dan akan membantu dalam mengekalkan perkhidmatan penting serta mencegah gangguan operasi bekalan air.
- c) Peningkatan penggunaan teknologi bangunan hijau dan penggabungan sumber tenaga boleh diperbaharui. Dengan menggalakkan amalan cekap tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon, sasaran kita adalah untuk mewujudkan

persekitaran yang lebih mampan dan berdaya tahan iklim pada masa hadapan.

- d) Langkah-langkah adaptasi yang efektif bagi episod musim kering, contohnya melalui pelaksanaan teknologi cekap air, seperti sistem pengairan pintar, penuaian air hujan dan kitar semula air sisa terawat (air pulih guna), meningkatkan kapasiti takungan sedia ada dan mewujudkan kemudahan penyimpanan tambahan boleh membantu memastikan bekalan air yang stabil semasa musim kemarau yang berpanjangan. Ini termasuk takungan bawah tanah dan takungan air pinggiran sungai (TAPS) yang direkabentuk untuk menakung air lebihan semasa musim hujan dan boleh digunakan semula semasa musim kering.

3. NRES juga secara aktif bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, sektor swasta dan perniagaan serta pakar iklim antarabangsa untuk berkongsi amalan terbaik dan menerima pakai penyelesaian yang inovatif. Melalui amalan perkongsian pintar ini, kementerian menasaskan untuk memanfaatkan pelbagai kepakaran bagi menangani perubahan iklim dengan berkesan.

4. Kementerian juga amat komited untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai tentang isu perubahan iklim yang melibatkan pelbagai peringkat seperti penglibatan kumpulan rentan dan komuniti tempatan. Melalui bengkel, program komuniti dan inisiatif pendidikan, kementerian menasaskan untuk menggalakkan amalan mampan dan membina budaya daya tahan dalam rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan untuk menyertai BRICS dan apakah impak kepada rakyat dan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Marang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat supaya Malaysia menyertai BRICS semasa sesi wawancara dengan media China, Guancha pada 13 Jun 2024.

3. Susulan itu, Malaysia telah dijemput untuk menghadiri Sidang Kemuncak, dengan izin, *Heads of State and Government Meeting in the BRICS Outreach/BRICS Plus* pada 23 - 24 Oktober 2024. Yang Berhormat Menteri Ekonomi telah mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menghadiri Sidang Kemuncak tersebut.

4. Terbaru adalah di mana Malaysia telah diterima sebagai Negara Rakan, atau dengan izin, *Partner Country*, BRICS. Kita melihat ini sebagai satu perkembangan yang positif dan memanfaatkan Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sebagai sebuah negara perdagangan, adalah penting untuk Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan semua negara, dalam usaha kita untuk meneroka peluang-peluang perdagangan dan pelaburan baharu. Kerajaan melihat bahawa penglibatan Malaysia dalam BRICS adalah selari dengan usaha memacu ekonomi negara untuk berkembang dengan lebih pesat, stabil dan berdaya tahan.

6. Penyertaan Malaysia dalam BRICS diyakini dapat memberikan nilai tambah kepada negara dan rakyat, terutamanya yang melibatkan isu-isu pembangunan mampan dan ekonomi global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil perjumpaan khas dengan wakil rakyat berketurunan India daripada Kerajaan Perpaduan pada bulan September dan adakah perjumpaan serupa akan diadakan dengan wakil rakyat berketurunan Cina daripada Kerajaan Perpaduan dan sekiranya tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah adakan sesi perjumpaan bersama pemimpin –pemimpin masyarakat India yang terdiri daripada kalangan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Negeri dan media masyarakat India yang turut disertai oleh YB Menteri Digital pada 24 September 2024.
2. Sepanjang pertemuan itu, pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan Kerajaan untuk komuniti kaum India telah dimaklumkan. Namun, terdapat juga beberapa isu telah dibangkitkan antaranya adalah:
 - i. Pembinaan krematorium tambahan untuk kaum India di lokasi baharu berikutan krematorium sedia ada hanya tertumpu di beberapa lokasi tertentu sahaja. Pada masa ini, terdapat 6 buah krematorium untuk kaum India di negeri Perak yang diruruskan oleh pihak Kerajaan dan swasta.
 - ii. kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ke universiti awam yang tidak mendapat tempat untuk mengikuti program Matrikulasi. Terdapat cadangan supaya dipertingkatkan bilangan Kolej Tingkatan 6 agar pelajar-pelajar kaum India yang memperolehi keputusan yang cemerlang berpeluang untuk menyambung pengajian ke Kolej Tingkatan 6;
 - iii. membantu pelajar kaum India untuk mengikuti bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);
 - iv. isu permohonan kewarganegaraan; dan
 - v. isu kemudahan infrastruktur asas perkampungan kaum India di Perak.
3. Keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum sentiasa menjadi keutamaan dan sebarang cadangan penambahbaikan dari segala aspek amat dialu-alukan. Ini

NO SOALAN : 24

selaras dengan prinsip Kerajaan MADANI yang menekankan inklusiviti bagi memastikan tiada kelompok yang diabaikan dalam menikmati pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : **18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam pemberian elaun kepada badan beruniform parti politik menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak memberikan elaun kepada mana-mana badan beruniform parti politik menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Pemberian elaun penugasan hanya diberikan kepada sukarela yang berdaftar di bawah agensi Kerajaan mengikut kadar yang telah ditetapkan di bawah Akta dan peraturan agensi berkenaan. Antara agensi Kerajaan yang mempunyai anggota sukarelawan dan diberikan elaun penugasan adalah daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Justeru, pemberian elaun kepada badan beruniform parti politik tidak berbangkit sama sekali. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan aktif semua pihak dalam menyertai aktiviti kesukarelawan dalam membentuk jati diri masyarakat yang mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan untuk bekerjasama dengan sektor swasta untuk memastikan latihan dan pendidikan teknikal serta vokasional (TVET) selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lanskap TVET secara keseluruhan perlu responsif terhadap pasaran pekerjaan. Justeru, penglibatan secara langsung pihak industri dalam pelaksanaan program TVET yang berfokus turut menjadi keutamaan dalam usaha menambah baik ekosistem TVET secara keseluruhan.
2. Sekretariat Majlis TVET Negara giat meneroka peluang kerjasama melibatkan syarikat berkaitan kerajaan dan swasta melalui pemeteraian Memorandum Kerjasama (MoC) dalam usaha meningkat dan melibatkan lebih banyak pihak industri termasuk syarikat multinasional dalam pelaksanaan program TVET dan seterusnya merealisasikan transformasi program TVET negara selaras perkembangan teknologi yang dinamik.
3. MoC berkonsepkan payung kerjasama ini menjadi penghubung yang dapat dimanfaatkan oleh institusi TVET awam dalam membuka ruang kerjasama erat bersama pihak industri. Sehingga September 2024, sebanyak 69 MoC telah berjaya dimeterai untuk dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar di institusi TVET awam merentasi 12 buah Kementerian yang melibatkan pelbagai cakupan bidang. Pemeteraian MoC ini turut disokong dan diperluaskan lagi oleh 160 kerjasama bersama pihak industri yang dijalinkan secara spesifik oleh Kementerian berkaitan TVET.
4. Skop kerjasama pemeteraian MoC ini melibatkan empat komponen utama iaitu perkongsian kepakaran industri bagi tujuan pembangunan kurikulum dan rekabentuk penyampaian latihan, dan peningkatan kemahiran tenaga pengajar melalui inisiatif dengan izin *Train of*

Trainers (ToT). Selanjutnya, kerjasama turut melibatkan perkongsian mahupun sumbangan peralatan berteknologi terkini kepada institusi TVET bagi memastikan berlakunya pemindahan ilmu dan kemahiran yang selari dengan keperluan semasa industri.

5. Pemeteraan kerjasama bersama industri turut dilaksanakan oleh agensi dan institusi TVET merentasi semua Kementerian berkaitan TVET secara spesifik dengan mengambil kira keperluan dan fokus bidang latihan entiti yang terlibat. Perkara ini adalah sejajar dengan intipati Dasar TVET Negara 2030 yang menggariskan elemen kerjasama industri cekap dan produktif sebagai salah satu teras strategik dasar ini.
6. Selain itu, industri turut dilibatkan dalam pelaksanaan program TVET melalui lantikan Badan Peneraju Industri atau *Industry Lead Body* (ILB). ILB ini berperanan mengenalpasti kompetensi pekerjaan melalui pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) atau *Occupational Industry Standard Practice* (OISP). Standard yang dibangunkan ini akan dijadikan rujukan kepada penyedia TVET dalam pembangunan kurikulum latihan bagi menyediakan modal insan berkemahiran negara. Setakat 31 Ogos 2024, sejumlah 27 buah ILB telah dilantik merentasi pelbagai sektor industri bagi menyalurkan input-input konstruktif berkaitan keperluan sebenar pekerjaan di industri.
7. Selanjutnya, pihak industri turut terlibat dalam pelaksanaan program TVET melalui konsep latihan yang memberi penekanan terhadap aspek amali di tempat kerja sebenar. Program seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Program Perantisan, dan Bootcamp yang dijalankan secara bersama antara institut latihan dan industri menjadi satu platform yang memfokuskan kepada pembangunan set kemahiran secara spesifik di tempat kerja. Menerusi pendekatan ini, peserta akan mendapat pendedahan lebih awal terhadap ekosistem tempat kerja sebenar dan bimbingan komprehensif secara terus dari

NO SOALAN : 26

pengamal-pengamal serta pendedahan kepada teknologi terkini selaras keperluan industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini rundingan hak minyak dan gas antara Petronas dan Sarawak serta penyelesaian terhadap sebarang prospek pertikaian mengambil kira laporan bahawa Petronas sedang mempertimbangkan untuk mengambil tindakan undang-undang dan implikasinya secara menyeluruh.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. PETRONAS telah menafikan laporan berkenaan mengambil tindakan undang-undang mengenai perkara ini, dan masih lagi sedang berunding bersama Sarawak melalui PETROS dengan tujuan mencapai manfaat bersama dalam hal pengedaran gas asli. Implikasi terhadap PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan hanya akan diketahui setelah keputusan daripada perundingan tersebut adalah muktamad.
2. Semua pihak yang terlibat sedang berusaha untuk memastikan bahawa keputusan yang dicapai memelihara kepentingan negara dan tidak menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Akta Keselamatan Siber 2024 akan dilaksanakan, dipantau dan dikuatkuasakan. Adakah Kementerian akan menubuhkan mekanisme '*task force*' atau '*watchdog*' untuk mengawasi penguatkuasaan akta tersebut.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] dan empat (4) Peraturan-Peraturan di bawah Akta 854 telah berkuat kuasa pada 26 Ogos 2024. Setelah Akta 854 dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta 854 berkuat kuasa, antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) yang bertanggungjawab ke atas Akta 854 ialah:
 - a. mengeluarkan empat (4) Arahan Ketua Eksekutif NACSA sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13 Akta;
 - b. Menteri telah melantik 29 ketua sektor infrastruktur maklumat kritikal negara (ketua sektor NCII) bagi 11 sektor NCII yang berkuat kuasa pada 11 September 2024;
 - c. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara (JKSN) bilangan 1 tahun 2024 (selepas Akta 854 berkuat kuasa) telah diadakan pada 19 September 2024;
 - d. melantik dua (2) ahli JKSN sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 5(2)(l) Akta; dan
 - e. melancarkan portal permohonan atau pembaharuan lesen serta hal-hal yang berkaitan pelesenan pada 1 Oktober 2024.
2. Pelaksanaan seterusnya adalah ketua sektor NCII yang dilantik tersebut hendaklah melaksanakan kewajipan dan fungsi, antaranya menetapkan suatu entiti NCII dan menyediakan suatu tataamalan (*code of practice*), mengikut kehendak yang ditetapkan dalam Akta 854.

3. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini dipantau secara terus oleh JKSN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai kementerian, agensi awam dan dalam kalangan orang yang mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam keselamatan siber.
4. Bagi memastikan pelaksanaan Akta 854 dilakukan secara adil, ketua sektor NCII yang dilantik adalah terdiri daripada Entiti Kerajaan dan orang yang terdiri daripada badan korporat seperti PETRONAS. Selain itu, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Eksekutif berhubung dengan pengeluaran, pembatalan atau penggantungan lesen boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Menteri.
5. Berhubung persoalan bagi penubuhan '*Task Force*' atau '*watchdog*', JKSN yang ditubuhkan di bawah Akta 854 yang terdiri daripada YAB Perdana Menteri dan wakil-wakil daripada pelbagai kementerian seperti Menteri Luar Negeri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan, Menteri Komunikasi, Menteri Digital dan beberapa anggota yang lain adalah sendirinya merupakan '*watchdog*' yang berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) bagi mengawasi pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 854.
6. Fungsi JKSN telah diperuntukkan di dalam seksyen 6 Akta 854 yang merangkumi antara lain, menentukan polisi, pendekatan dan strategi berkaitan keselamatan siber negara, memberi cadangan kepada Kerajaan berkenaan polisi dan langkah-langkah strategik bagi mengukuhkan keselamatan siber, memberi arahan kepada Ketua Eksekutif dan Ketua Sektor NCII dan menyelia pelaksanaan Akta 854 yang berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan menyeluruh Kerajaan terhadap pertumbuhan industri semikonduktor seiring dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) ke arah memacu perdagangan pembuatan termasuk pengeksportan cip semikonduktor di sebalik perang perdagangan Amerika Syarikat-China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) sedang melaksanakan pendekatan menyeluruh untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam industri semikonduktor dunia. Langkah ini adalah selaras dengan usaha memperkasakan sektor pembuatan negara bagi menghadapi cabaran global, khususnya impak daripada perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China.

2. Perubahan kepimpinan di Amerika Syarikat yang baharu dijangka mampu mempengaruhi landskap perdagangan global, khususnya dalam hubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Sekiranya isu berkaitan geopolitik ini berterusan, terdapat peluang yang lebih luas untuk negara-negara lain seperti Malaysia menjadi destinasi alternatif bagi syarikat-syarikat multinasional meningkatkan atau memulakan pelaburan mereka.

3. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menarik para pelabur untuk memindahkan atau mengembangkan operasi mereka di Malaysia ekoran dari perang perdagangan tersebut. Antara inisiatif yang diambil adalah dengan menjadikan industri semikonduktor sebagai program utama di bawah NIMP 2030. Misi 1 dalam NIMP 2030 iaitu memajukan kompleksiti ekonomi merupakan langkah strategik untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat inovasi serantau. Dengan memacu industri ke arah produk yang lebih kompleks, negara dapat membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan eksport, dan memperkukuh ekonomi secara mampan, selari dengan visi Ekonomi MADANI yang diinginkan dalam NIMP 2030.

4. Bagi mengukuhkan pembangunan industri semikonduktor, Kerajaan juga telah merangka Strategi Semikonduktor Nasional (SNN) seiring dengan keperluan di bawah NIMP 2030. Bagi merealisasikan sasaran ini, Kerajaan akan mempertingkatkan program pelaburan sedia ada dan merancang pelbagai strategi baharu dalam usaha untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi di dalam ekosistem semikonduktor.

5. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada dasar pengukuhan industri semikonduktor dengan memperkuat pembangunan dan pengeluaran cip di dalam negara. Pelbagai program dirancang untuk memastikan pencapaian ini, termasuk usaha memodenkan syarikat-syarikat *Outsourced Semiconductor Assembly and Test* (OSAT) sedia ada, yang merupakan elemen penting dalam rantai nilai semikonduktor.

6. Selain itu, Kerajaan juga berhasrat untuk menarik lebih banyak pengeluar mesin dan peralatan berteknologi tinggi ke dalam ekosistem ini, dan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat tempatan melalui program latihan khusus. Infrastruktur sedia ada juga akan diperkukuhkan bagi memenuhi keperluan industri.

7. Di samping itu, Kerajaan jug menggalakkan penglibatan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk melabur dalam syarikat semikonduktor tempatan. Inisiatif ini selari dengan hasrat yang dinyatakan dalam Belanjawan 2025 untuk memacu pertumbuhan industri teknologi tempatan. Melalui pelaburan oleh GLIC, syarikat-syarikat semikonduktor tempatan akan menerima suntikan modal yang diperlukan untuk memperluas kapasiti pengeluaran, memacu inovasi, serta memperkukuh daya saing mereka di peringkat global.

8. Dalam masa yang sama, kedudukan Malaysia juga akan diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif tambahan. Antara inisiatif tersebut termasuklah pelaksanaan misi *strike-force* yang akan mengenalpasti syarikat global untuk melengkapkan ekosistem semikonduktor di Malaysia. Selain itu, Kerajaan juga memperkenalkan program Perkongsian Awam-Swasta bagi menggalakkan kerjasama antara industri dan akademia, serta membiayai program latihan dan pendidikan di Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta untuk meningkatkan bakat tempatan.

9. Kerajaan juga komited untuk memperkukuhkan pembangunan bakat dalam sektor teknologi tinggi melalui beberapa inisiatif strategik

yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sesi pembentangan Belanjawan 2025. Antara inisiatif tersebut adalah:

- (i) Pemberian potongan cukai khas kepada universiti swasta dan institut latihan kemahiran yang menawarkan kursus dalam bidang teknologi digital, AI, robotik, IoT, dan teknologi mampan. Belanjawan 2025 telah menetapkan bahawa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menerima peruntukan sebanyak RM20 juta khusus untuk melatih dan melahirkan lebih ramai jurutera Bumiputera dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya dalam industri semikonduktor, manakala Universiti Sains Malaysia (USM) akan memberi tumpuan kepada AI dalam teknologi semikonduktor dengan kerjasama syarikat gergasi seperti Intel dan Infineon;
- (ii) HRD Corp dipertanggungjawabkan untuk mengurus dana sebanyak RM3 bilion bagi menyediakan sebanyak 3 juta peluang latihan, dengan fokus kepada bidang berteknologi tinggi seperti AI; dan
- (iii) Khazanah akan memperuntukkan sebanyak RM200 juta, melalui Program K-Youth, yang dijangka akan membekalkan seramai 11,000 bakat tempatan bagi memenuhi keperluan sektor utama berteknologi tinggi.

10. Kerajaan yakin dengan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dijalankan melibatkan semua peringkat di persekutuan dan negeri, pihak industri serta pemegang taruh yang lain, industri semikonduktor di dalam negara dapat berkembang dengan lebih maju dan memberi lebih nilai tambah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara di masa hadapan. Selain itu, inisiatif-inisiatif ini juga akan memperkukuhkan ekosistem rantai bekalan industri semikonduktor tempatan dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan amalan mengumumkan projek di negeri yang dilawati oleh pemimpin Kerajaan termasuk dalam tempoh Pilihan Raya Kecil (PRK).

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa berlangsungnya pilihan raya, Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya akan ditubuhkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya selaras dengan Seksyen 27B, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). Pasukan penguat kuasa ini akan memantau dan mengawal aktiviti calon pilihan raya sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari mengundi. Sekiranya terdapat aduan berkaitan sogokan atau amalan rasuah sepanjang tempoh berkempen, ia bolehlah dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuhan Malaysia atau Polis Diraja Malaysia.

2. Sementara itu, selaras dengan Seksyen 34 dan 38, Akta 5, petisyen pilihan raya juga boleh dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan sekiranya terdapat sebarang bantahan ke atas keputusan pilihan raya. Petisyen ini hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan memanfaatkan posisi sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan bagi mengukuhkan kerjasama dengan negara-negara anggota menghadapi tuntutan wilayah oleh China di Laut China Selatan bagi menjamin kedaulatan perairan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dungun** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025. Ini akan membuka satu lagi lembaran yang penting untuk negara kita. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju ASEAN bagi mengharungi cabaran-cabaran semasa dan di masa hadapan.

3. Kepengerusian pada tahun 2025 adalah signifikan buat Malaysia kerana ia menandakan sedekad penubuhan rasmi Komuniti ASEAN yang dilancarkan di Kuala Lumpur pada tahun 2015. Hasil daripada penubuhan Komuniti tersebut, ASEAN telah terus mengukuhkan peranannya sebagai wadah utama bagi Negara-negara Anggota dan Rakan-rakan Luarnya untuk berdialog dan bekerjasama bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau.

4. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

5. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC), pada 4 November 2002.

6. Melalui DOC, negara-negara ASEAN dan China melaksanakan aktiviti-aktiviti kerjasama bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan, atau dengan izin, *confidence-building*, serta menangani sebarang perbezaan secara aman. DOC turut menyatakan persetujuan Negara-negara Anggota ASEAN dan China untuk berusaha ke arah matlamat memperakui sebuah Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC), yang bertujuan mengukuhkan lagi keamanan dan kestabilan serantau.

7. Buat masa ini, Negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan COC. COC dilihat sebagai satu mekanisme tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Kod ini dirunding tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing. Rundingan COC tersebut sedang dilaksanakan menerusi platform, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC).

8. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dimuktamadkan merupakan satu dokumen yang substantif dan efektif tanpa sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

9. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan Negara Penyelaras hubungan dialog ASEAN-China dari Ogos 2024 hingga Julai 2027, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta MENTERI
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan :**

- a. perancangan terperinci untuk meningkatkan keupayaan merentas rantai nilai semikonduktor melalui Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) Malaysia; dan
- b. apakah garis masa untuk mencapai sasaran bagi menarik sekurang-kurangnya RM500 bilion pelaburan di bawah Fasa 1 NSS, serta manfaat limpahan ekonomi kepada rakyat dan penciptaan peluang pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) telah menggariskan lima sasaran utama yang turut menjadi indikator dalam mengukur kadar keberjayaan SSN dalam tempoh sehingga tahun 2030 seperti berikut:

- (i) Menarik pelaburan sekurang-kurangnya RM500 bilion dalam sektor semikonduktor, khususnya di dalam reka bentuk IC, pembungkusan termaju, fabrikasi wafer dan pembuatan peralatan semikonduktor;
- (ii) Melahirkan sekurang-kurangnya 10 syarikat Malaysia dalam reka bentuk dan pembungkusan termaju dengan pendapatan antara RM1 bilion dan USD1 bilion; dan melahirkan sekurang-kurangnya 100 syarikat berkaitan semikonduktor yang mampu meraih pendapatan hampir RM1 bilion, dan mewujudkan gaji yang lebih tinggi untuk pekerja – pekerja di Malaysia;
- (iii) Membangunkan Malaysia menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) global untuk semikonduktor, dengan menyediakan universiti bertaraf dunia, pusat R&D, pusat kecemerlangan yang menggabungkan bakat terbaik di Malaysia dan antarabangsa;
- (iv) Melatih dan meningkatkan kemahiran 60,000 jurutera tempatan berkemahiran tinggi untuk memenuhi peluang pekerjaan dalam sektor semikonduktor; dan
- (v) Memperuntukkan sekurang-kurangnya RM25 bilion dalam bentuk sokongan fiskal untuk menjayakan pelaksanaan SSN.

2. Bagi memastikan kelima-lima sasaran SSN ini tercapai dalam tempoh yang telah ditetapkan, pelbagai langkah dan inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh pelbagai pihak yang merangkumi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak industri, pusat-pusat kajian dan pembangunan serta pihak akademia.

3. Kerajaan akan mempergiatkan usaha untuk membangunkan industri semikonduktor sedia ada dan merancang pelbagai strategi baharu dalam usaha untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi di dalam ekosistem semikonduktor. Antaranya, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada dasar pengukuhan industri semikonduktor dengan memperkuat pembangunan dan pengeluaran cip di dalam negara. Ini termasuk usaha memodenkan syarikat-syarikat OSAT (*Outsourced Semiconductor Assembly and Test*) sedia ada bagi memastikan Malaysia terus relevan sebagai hab teknologi serantau. Melalui pemodenan, syarikat-syarikat OSAT ini perlu menggunakan teknologi terkini, sekaligus meningkatkan kecekapan, kualiti, dan nilai tambah kepada produk akhir.

4. Di samping itu, Kerajaan juga merancang untuk memperkuat keupayaan pengeluaran cip tempatan, yang dijangka dapat meningkatkan daya saing industri semikonduktor di Malaysia. Dengan meningkatkan keupayaan pengeluaran domestik, Malaysia dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import dan mewujudkan ekosistem teknologi yang lebih mampan di dalam negara.

5. Sebagai langkah progresif bagi menjana kemajuan, Kerajaan menggalakkan penglibatan GLIC untuk melabur dalam syarikat semikonduktor tempatan, selari dengan hasrat Belanjawan 2025 untuk memacu pertumbuhan industri teknologi tempatan. Pelaburan ini bertujuan memberi suntikan modal bagi memperluas kapasiti, meningkatkan inovasi, dan memperkuat kedudukan syarikat dalam pasaran global.

6. Kerajaan optimis terhadap sasaran pelaburan yang telah ditetapkan dalam SSN mengambilkira prestasi pelaburan semasa sektor semikonduktor negara di mana sepanjang tahun 2023, sektor ini telah

menyumbang sebanyak RM69.4 bilion (82 peratus) daripada RM84.5 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan bagi projek Elektrikal dan Elektronik (E&E). Manakala, pada 2024 (sehingga Jun 2024), Kerajaan telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM 34.6 bilion, di mana RM0.98 bilion adalah daripada pelaburan domestik (DI) manakala RM33.63 bilion pula merupakan pelaburan asing (FI). Di samping itu, sebanyak tiga (3) buah syarikat reka bentuk IC tempatan telah ditubuhkan dalam tempoh tersebut.

7. Dari segi manfaat dan limpahan ekonomi, pelaburan ini dijangka akan meningkatkan pendapatan negara dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan global, khususnya dalam sektor teknologi dan semikonduktor. Selain itu, sasaran ini juga dijangka mencipta ribuan peluang pekerjaan berkualiti tinggi dalam bidang kejuruteraan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta teknologi pembuatan.

8. Sehingga suku ketiga tahun 2024, SSN telah membuka peluang pekerjaan kepada seramai 4,673 individu, dengan pekerja teknikal merangkumi 97% daripada pengambilan tersebut, yang menyumbang kepada peningkatan kumpulan bakat negara. Ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kumpulan bakat negara, khususnya dalam bidang teknologi dan semikonduktor.

9. Selain itu, bagi memastikan manfaat ini dapat dinikmati oleh rakyat tempatan, kerajaan sedang giat melaksanakan program latihan dan pembangunan bakat. Sebagai contoh, kerajaan telah memperkenalkan program Perkongsian Awam-Swasta bagi menggalakkan kerjasama antara industri dan akademik, serta membiayai program latihan dan pendidikan di Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta untuk meningkatkan bakat tempatan. Langkah ini bertujuan memastikan tenaga kerja Malaysia memiliki kemahiran yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan pesat dalam sektor semikonduktor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN
BIN ABAS [MERSING]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian laporan penyiasatan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung dengan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan (Laporan Suruhanjaya) telah disiapkan pada 31 Julai 2024 dan telah dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim pada 12 Ogos 2024 di Istana Negara.
2. Laporan juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2024. Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Laporan Suruhanjaya dibentangkan di Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-15 di Dewan Rakyat dan syor-syor Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan perancangan Kerajaan dalam membantu membina kembali keperluan asas penduduk Gaza termasuk rumah penduduk, sekolah dan hospital yang telah dimusnahkan rejim Zionis Israel dengan zalim dan rakus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sik** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, Malaysia tidak akan berputus asa untuk terus menyalurkan bantuan kepada rakyat Palestin.

3. Dalam konteks bantuan pasca konflik, Malaysia kini sedang merangka kerjasama dengan negara-negara sepemikiran dan pihak berkepentingan lain, terutamanya dalam bidang perubatan, pendidikan, serta pemulihan dan pembangunan semula infrastruktur asas di Gaza. Pelaksanaan projek pembangunan semula ini akan dijalankan secara kolektif melalui usahasama Kerajaan Malaysia, NGO tempatan, dan organisasi antarabangsa serta rakan penaja antarabangsa setelah keadaan di Palestin stabil. Tumpuan utama Malaysia adalah memastikan pemulihan kesihatan, memperkukuhkan pendidikan, dan membina semula perkhidmatan asas, dengan harapan memberi rakyat Palestin peluang untuk bangkit semula, dengan kekuatan dan daya tahan jangka panjang.

4. Pelan pembangunan semula Gaza ini bukan hanya bertujuan membina kembali infrastruktur yang musnah, tetapi membawa harapan baru. Pelaksanaan pelan ini akan dimulakan sebaik sahaja gencatan senjata kekal tercapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dalam merungkai krisis kemanusiaan di Myanmar yang kian meruncing dan kajian untuk menempatkan pelarian Myanmar di mana-mana pulau terpilih yang didana oleh negara ketiga, UNHCR dan ASEAN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tumpat** atas pertanyaan yang dikemukakan.
2. Selaku Pengerusi ASEAN pada 2025, adalah menjadi tanggungjawab Malaysia menerajui usaha ASEAN dalam menangani krisis di Myanmar. Usaha ini akan diteruskan berdasarkan Kemuafakatan Lima Perkara, atau dengan izin, *Five-Point Consensus (5PC)*, yang telah dipersetujui oleh para pemimpin ASEAN pada April 2021.
3. Malaysia kekal komited meneruskan usaha mencari jalan penyelesaian damai di Myanmar. Malaysia akan mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan di Myanmar dalam memudah cara usaha membuka laluan ke meja rundingan untuk dialog politik terangkum ke arah mencapai penyelesaian damai dan berkekalan. Malaysia juga akan terus aktif dalam menekankan dan mengutamakan penyampaian bantuan kemanusiaan kepada semua rakyat Myanmar yang memerlukan, tanpa diskriminasi.
4. Pada masa yang sama, Malaysia akan menyelaras usaha melalui mekanisme Troika yang terdiri dari Pengerusi ASEAN terdahulu, semasa dan akan datang (Laos, Malaysia dan Filipina) dan juga dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain. Selain itu, Malaysia akan turut menyelaras sokongan dan kerjasama negara-negara jiran Myanmar serta masyarakat antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha memastikan pelaksanaan 5PC yang bermakna dan menyeluruh.
5. Sebagai salah sebuah negara jiran yang menerima jumlah pelarian Myanmar, khususnya etnik Rohingya, tertinggi di Asia Tenggara, Malaysia akan memanfaatkan Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 untuk terus menekankan penderitaan pelarian ini dan mendukung tindak balas serantau yang lebih pragmatik. Malaysia komited untuk memastikan isu ini mendapat perhatian sewajarnya di peringkat ASEAN.

6. Dalam konteks ini, proses penempatan pelarian negara ketiga, dengan izin *resettlement*, yang dikendalikan oleh, dengan izin, *International Organization for Migration (IOM)* dan *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)* menjadi salah satu mekanisme penting. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Ogos 2024, IOM berjaya menempatkan semula seramai 4,774 orang pelarian ke negara ketiga. Dari jumlah tersebut, sejumlah 3,384 atau 70.9% merupakan pelarian Myanmar yang ditempatkan semula di Amerika Syarikat, Australia, Kanada, New Zealand, Perancis, Jepun, Republik Korea, Great Britain, Norway dan Filipina.

7. Malaysia akan terus menggesa agar masyarakat antarabangsa berkongsi beban dan tanggungjawab dalam menempatkan pelarian dari Malaysia ke Negara Ketiga. Ini termasuk menerokai kerjasama dengan Negara Penerima sedia ada untuk meningkatkan dan mempercepatkan kadar penempatan semula pelarian dari Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:**

- a) langkah-langkah intervensi yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani isu kapal peninjau Tentera China dan Pengawal Pantai China yang mengganggu eksplorasi minyak di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia; dan
- b) tindakan Kerajaan dalam memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja di luar persisiran pantai berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Jerantut** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif dan tidak sesekali akan memprejudiskan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

3. Kerajaan, melalui PETRONAS, akan terus aktif melaksanakan aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dan gas di perairan negara di Laut China Selatan selaras dengan kedaulatan dan hak kedaulatan Malaysia di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) 1982. Aktiviti eksplorasi dan eksploitasi hidrokarbon negara adalah sangat penting bukan sahaja bagi tujuan ekonomi negara tetapi juga sebagai tindakan yang tidak provokatif, atau dengan izin, *non-provocative*, untuk mengukuhkan kedaulatan negara di kawasan perairan negara terutama di kawasan Laut China Selatan.

4. Bagi memastikan aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dan gas di perairan negara di Laut China Selatan berjalan dengan lancar, Kerajaan melaksanakan pendekatan, dengan izin, "*whole of government*" untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk

menjamin keselamatan perairan Malaysia. Setiap agensi kerajaan memainkan peranan masing-masing untuk memastikan kepentingan negara sentiasa dipertahankan.

5. Kerajaan, melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), terus mempamerkan kehadiran berterusan, dengan izin, *omnipresence* aset negara di kawasan Laut China Selatan sama ada aset laut mahupun aset udara. Aset-aset Pasukan Keselamatan negara ini juga sedia diaturgerak pada bila-bila masa untuk memastikan keselamatan perairan negara sentiasa terpelihara pada setiap masa.

6. Selain itu, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) bersama Pasukan Keselamatan negara serta agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa memantau aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dan gas di perairan negara di Laut China Selatan oleh pihak PETRONAS dan, dengan izin, *Production Sharing Contract* (PSC) bagi memastikan keselamatan pekerja dan aset mereka sentiasa terjamin. Komunikasi di antara pihak PETRONAS dan PSC dengan Pasukan Keselamatan negara juga telah diwujudkan bagi memastikan sebarang insiden yang berlaku dapat diambil tindakan dengan kadar segera bagi melindungi pekerja-pekerja yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

**TARIKH
MENJAWAB** : **18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes pendakwaan berkaitan 3R yang menyentuh perihal kaum, agama Islam dan Raja-raja yang sudah dibicarakan serta disabit dengan hukuman sejak awal tahun 2023.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepanjang tempoh 2023 hingga September 2024, sebanyak 21 kes berkaitan 3R telah dipertuduh di Mahkamah.

2. 13 kes berkaitan 3R telah dituduh di Mahkamah pada tahun 2023. Daripada jumlah itu, sebanyak 8 kes adalah berkaitan dengan institusi diraja, 3 kes menyentuh isu agama dan 2 kes melibatkan isu perkauman. Status kes-kes tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi kes-kes yang melibatkan institusi diraja, 3 kes masih dalam peringkat perbicaraan, 2 kes telah dilepaskan dan dibebaskan dan 3 kes telah dijatuhkan hukuman; dan
- (b) kesemua 3 kes yang melibatkan isu agama yang dituduh pada tahun 2023 telah dijatuhkan hukuman manakala bagi 2 kes menyentuh isu perkauman yang dituduh; 1 kes masih dalam peringkat perbicaraan dan 1 kes telah dijatuhkan hukuman.

3. Sebanyak 8 kes melibatkan isu 3R telah dituduh pada tahun ini setakat September 2024. Daripada jumlah itu, sebanyak 5 kes yang menyentuh institusi diraja dan 3 kes melibatkan isu agama. Tiada kes 3R yang dituduh pada tahun 2024 yang melibatkan isu perkauman. Status kes-kes tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi 5 kes melibatkan institusi diraja yang dituduh pada tahun 2024, 4 kes masih dalam peringkat perbicaraan dan 1 kes telah dijatuhkan hukuman; dan
- (b) kesemua 3 kes berkaitan isu agama yang dituduh pada tahun 2024 telah dijatuhkan hukuman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : **18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk melaksanakan audit tahunan pusat penjagaan anak bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan pengusaha TASKA mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*]. Bidang kuasa JKM adalah membuat pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA dan perkara berkaitan dengannya demi menentukan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

2. Bagi memastikan TASKA berdaftar sentiasa mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan, KPWKM melalui Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan, sama ada secara mengejut atau berkala ke atas TASKA berdaftar bagi tujuan:

- i. Memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin;
- ii. Memastikan TASKA yang berdaftar mematuhi syarat minimum yang telah ditetapkan oleh JKM dan mematuhi Akta 308 serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

3. KPWKM juga sedang membangunkan satu kaedah penilaian sendiri oleh pengusaha TASKA. Penilaian sendiri ini akan menjadi pengukur kepada tahap keberkesanan perkhidmatan yang diberikan dan mengenalpasti sama ada mematuhi piawaian atau masih perlu diperbaiki. Penilaian sendiri ini akan menjadi mekanisme penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan pengoperasian TASKA menjadi lebih konsiten dan tekal dalam semua aspek termasuk keperluan keselamatan, kesihatan dan kebajikan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) perincian bagaimana penyerahan dana Pembangunan Harta Wakaf diagihkan kepada setiap negeri; dan
- (b) senaraikan jumlah projek dan peruntukan yang diluluskan di bawah Pembangunan Harta Wakaf untuk tempoh 2021 hingga 2025.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Perincian penyerahan dana Pembangunan Harta Wakaf diagihkan kepada setiap negeri

1. Kerajaan Persekutuan tidak mewujudkan Dana Pembangunan Harta Wakaf secara khusus. Sebaliknya peruntukan bagi membangunkan tanah-tanah wakaf disalurkan menerusi setiap Rancangan Malaysia. Penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan tanah wakaf telah bermula sejak Rancangan Malaysia Kesembilan, secara khususnya sejak tahun 2008 hingga 2024 dengan jumlah peruntukan pembangunan hampir RM370 juta menerusi 18 projek fizikal baharu. Antara projek tersebut adalah seperti pembinaan hotel dan pangsapuri di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta pembinaan bazar-bazar rakyat di bawah Yayasan Waqaf Malaysia.
2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penentuan projek pembangunan di atas tanah wakaf dipertimbangkan berdasarkan kriteria dalam garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi. Antaranya adalah projek-projek tersebut dinilai mengikut keutamaan dan memberi impak yang besar kepada rakyat serta pertumbuhan ekonomi negara di samping memenuhi syarat *Value at Entry (VAE)* semasa peringkat cadangan dikemukakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Jumlah siling dan peruntukan yang akan diluluskan pula adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

3. Sehingga tahun 2024, sebanyak sepuluh (10) negeri telah disediakan peruntukan pembangunan di atas tanah wakaf oleh Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia yang disalurkan menerusi JAWHAR. Daripada 14 buah negeri, masih terdapat empat (4) negeri yang belum diberi peruntukan pembangunan di atas tanah wakaf iaitu Pahang, Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas akan datang ini, projek-projek daripada 4 buah negeri ini akan dapat diberi pertimbangan untuk pembangunan di atas tanah wakaf.

(b) Senarai jumlah projek dan peruntukan yang diluluskan di bawah Pembangunan Harta Wakaf untuk tempoh 2021 hingga 2025

1. Bagi tempoh 2021 hingga 2025, Kerajaan Persekutuan telah memberi komitmen dengan memperuntukkan RM25 juta bagi pembangunan Fasa 2 Hotel Wakaf Taiping, Perak. Projek ini bakal disiapkan pada akhir tahun 2024 dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2025.
2. Dalam pada itu, menerusi Bajet 2022, Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan RM10 juta kepada Yayasan Waqaf Malaysia bagi pelaksanaan Wakaf Halal-Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) dan Wakaf Bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kuasa kepada pengamal Pesuruhjaya Sumpah untuk melakukan salinan diakui sah pada sebarang dokumen (CTC/certified true copy) untuk memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Undang-undang berkenaan Pesuruhjaya Sumpah diperuntukkan dalam seksyen 11 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91]. Melalui subseksyen 11(2), Ketua Hakim Negara diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi pelantikan, kelakuan, fi yang hendak dikenakan dan segala perkara berkaitan dengan Pesuruhjaya Sumpah.
2. Selanjutnya Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 (KKPJS) telah digubal dan berkuat kuasa pada 1 Mac 2018. Kuasa dan fungsi Pesuruhjaya Sumpah diperuntukkan dalam Kaedah 9, 10 dan 11 KKPJS. Pada masa ini Pesuruhjaya Sumpah tidak mempunyai kuasa untuk melakukan salinan diakui sah pada sebarang dokumen (*CTC/certified true copy*). Satu Arahan Amalan berkenaan perkara ini juga telah dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2005 bahawa Pesuruhjaya Sumpah tidak diberi kuasa untuk mengakuisahkan mana-mana dokumen.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang cadangan untuk memberi kuasa kepada pengamal Pesuruhjaya Sumpah untuk melakukan salinan diakui sah buat masa ini.

Sekian, terima kasih.